

UNTUK EDARAN SEGERA

Ruj. Kami : JPPM/100-2/1/8 (3)
Tarikh : 18 Oktober 2025

SIARAN MEDIA

SIMPOSIUM JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA 2025: “*BUILDING TRUST, ENSURING TRANSPARENCY*”

ALOR GAJAH, 18 Oktober 2025 – Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM), Kementerian Dalam Negeri telah menganjurkan **Simposium Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Tahun 2025** yang bertemakan “*Building Trust, Ensuring Transparency*”, bertujuan memperkukuh peranan pertubuhan berdaftar sebagai tonggak penting dalam memacu pembangunan masyarakat dan negara.

Simposium ini merupakan satu platform strategik untuk merekayasa hala tuju pertubuhan berdaftar ke arah masyarakat Malaysia yang lebih inklusif, progresif dan sejahtera, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, selain memperkukuh usaha JPPM dalam menyokong pembangunan masyarakat sivil yang mampan, berintegriti dan berdaya tahan di negara ini.

Inisiatif ini membuka ruang bagi pertukaran pandangan, perkongsian ilmu dan pengalaman antara pemimpin pertubuhan, agensi kerajaan serta pakar pelbagai bidang melalui sesi forum dan dialog, seterusnya menggalakkan jalinan kerjasama strategik antara pertubuhan dan agensi Kerajaan yang berkaitan, ke arah meningkatkan tadbir urus dan keberkesanan pertubuhan berdaftar.

Sebagai langkah mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan dan menandakan transformasi digital JPPM ke arah ekosistem yang lebih efisien, mesra pengguna, dan responsif, peluncuran ‘*Registry of Societies Electronic System*’, **eROSES 2.0** yang dilengkapi teknologi kecerdasan buatan (AI) telah disempurnakan oleh **YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Menteri Dalam Negeri**, dalam simposium ini.

Penganjuran simposium ini diharapkan akan menyokong agenda Kerajaan Perpaduan MADANI yang menekankan kepentingan pembangunan masyarakat sivil melalui pertubuhan berdaftar sebagai rakan strategik Kerajaan dan jambatan penghubung yang efektif dalam memperkukuh perpaduan nasional, pembangunan sosial dan keterangkuman masyarakat dalam menghadapi cabaran semasa.

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia
Kementerian Dalam Negeri

Aras 8 & 9, Setia Perkasa 7, Kompleks Setia Perkasa, 62546 Putrajaya

Telefon: 03-88702601 | Faks: 03-8870 2659



www.ros.gov.my



@jppm_my